

26/02/2003

Bakal guru perlu memiliki semangat perpaduan

Syuhada Choo Abdullah

BAKAL guru perlu mempunyai semangat perpaduan serta memahami dan menghayati mesej keharmonian hidup masyarakat majmuk di negara ini supaya dapat mewariskan tradisi integrasi nasional itu kepada pelajar apabila mengajar kelak.

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Dr Mohd Yusof Abu Bakar, berkata sebagai pembina generasi pelapis negara, guru memainkan peranan penting mendidik kesedaran di kalangan pelajar supaya menghargai, memelihara dan mempertahankan perpaduan sedia ada.

Selain itu, beliau berkata, guru juga harus menggalak dan mendorong pelajar berusaha memperkukuh integrasi nasional yang bukan saja penting sebagai benteng kekuatan serta kesejahteraan negara, malah dapat membantu ke arah keamanan dunia.

Katanya, kepentingan pemahaman serta penghayatan semangat perpaduan tidak boleh dipandang ringan, sebaliknya perlu bagi melahirkan pelajar yang mampu menangani sensitiviti masyarakat berbilang kaum dan agama dengan bijak dan rasional.

"Justeru, sekiranya bakal guru sendiri tidak memahami dan menghayati kepentingan jalinan perpaduan, mereka tidak akan dapat menerapkan nilai berkenaan kepada pelajar apabila bertugas nanti.

"Seluruh rakyat perlu menyedari bahawa perbezaan dalam masyarakat majmuk sebenarnya adalah kekuatan bagi Malaysia. Oleh itu, dengan bersatu padu, negara akan menjadi lebih teguh dan maju, sekali gus berupaya menangkis sebarang cubaan musuh mengacau-bilau negara.

"Keutuhan integrasi nasional dapat dibina dengan masyarakat, termasuk guru, saling memahami kelainan budaya dan agama serta berpegang kepada sikap menghormati serta toleransi," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui selepas majlis pelancaran Kelab Perpaduan UPSI oleh Ahli Parlimen Tanjung Malim, Datuk Loke Yuen Yow, baru-baru ini.

Loke diwakili oleh pembantunya, Goh Kim Swee. Hadir sama Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh.

Terdahulu, Dr Mohammad Noor dan Dr Mohd Yusof bersama warga UPSI menyertai acara senamrobik di padang UPSI sempena perasmian penutup Kempen Cara Hidup Sihat universiti berkenaan.

Penubuhan Kelab Perpaduan UPSI itu sejajar seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menggerakkan usaha aktif ke arah pemupukan dan pengukuhan semangat integrasi di kalangan pelajar masing-masing.

Dr Mohd Yusof berkata, keahlian Kelab Perpaduan mencakupi keseluruhan pelajar UPSI dan ia beroperasi di bawah Majlis Perwakilan Pelajar universiti itu. Ahli jawatankuasa Kelab Perpaduan itu merangkumi wakil pelbagai kaum, diterajui Mohd Azlan Mohamad Noor sebagai Presidennya.

Katanya, kelab itu akan menjalankan aktiviti bercorak umum dengan fokus utama ke arah pengukuhan semangat integrasi nasional. Antaranya ialah sambutan perayaan kaum di negara ini, kegiatan sukan dan rekreasi, selain forum perpaduan dengan menjemput tokoh negarawan.

Sementara itu, Loke dalam teks ucapannya berkata, salah satu aspek utama yang membawa kejayaan Malaysia hingga menjadi negara disegani dan dihormati pada peringkat antarabangsa ialah perpaduan rakyat berbilang kaum.

Walaupun rakyat berlainan bangsa, agama dan budaya, katanya, masyarakat

dapat menikmati hidup yang harmoni, aman serta damai.

"Sehubungan itu, apabila menamatkan pengajian dan memasuki profesion keguruan atau kerjaya lain, pelajar UPSI harus meneruskan kerja khidmat masyarakat, khususnya menyemaikan nilai murni ke arah pembentukan semangat perpaduan di kalangan generasi muda," katanya.